

BAB
PERTAMA

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pentafsiran ayat-ayat al-Quran dari sudut nahu merupakan salah satu daripada bentuk pentafsiran yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir. Seperti juga pentafsiran dari sudut akidah, syariah, dakwah, sosial dan sebagainya, pentafsiran dari sudut nahu juga mempunyai keistimewaan dan kepentingannya yang tersendiri. Justeru itu, dalam kajian ini penulis akan menghuraikan ciri-ciri pemikiran nahu al-Zamakhsyārī yang terdapat dalam kitab tafsir beliau yang termasyhur, iaitu *Tafsir al-Kasysyāf*.

Sebagai muqaddimah kepada bab-bab yang berikutnya, bab ini bertujuan untuk memberikan gambaran umum tentang perkara-perkara asas yang diperlukan oleh sesebuah kajian. Ia akan menerangkan sebab-sebab pemilihan tajuk, kepentingan kajian, objektif kajian, bidang kajian, ruang lingkup kajian dan sistematik pembahasan, metodologi kajian, tinjauan terhadap kajian yang lalu, sumbangan kajian dan rangka kajian.

1.1 Sebab-Sebab Pemilihan Tajuk

Seperti yang akan dijelaskan dalam Bab Kedua selepas ini, al-Zamakhsyariy adalah ulama yang mempunyai fikiran yang terbuka khususnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu nahu. Justeru itu, kalau kita perhatikan pendapat-pendapat al-Zamakhsyariy yang berkaitan dengan nahu, kita akan dapati beliau tidak terikat dengan mana-mana aliran nahu yang sebelumnya, malah beliau juga banyak mengemukakan pendapat-pendapat beliau yang tersendiri yang kadang-kadang mengundang kontroversi dan kritikan yang hebat daripada ulama-ulama nahu yang selepasnya.

Selain mengemukakan pemikiran-pemikiran nahu beliau dalam kitab-kitab nahu, al-Zamakhsyariy juga turut mengemukakan pemikiran-pemikiran nahunya dalam kitab *Tafsir al-Kasysyaf* yang dikarang olehnya. Seperti yang akan dijelaskan dalam Bab Ketiga nanti, kitab *Tafsir al-Kasysyaf* merupakan sebuah kitab tafsir yang terkenal dalam mengemukakan tafsiran-tafsiran yang berkaitan dengan ilmu *balaghah*, khususnya ilmu *al-Ma'ani* yang mempunyai kaitan yang rapat dengan ilmu nahu.

Oleh kerana al-Zamakhsyariy sangat berpegang teguh kepada mazhab Muktazilah, beliau juga tidak ketinggalan dalam mengeksplorasi kaedah nahu untuk mengesahkan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh mazhab berkenaan. Selain itu, dalam kitab tafsir ini juga, al-Zamakhsyariy turut mengambil peluang menyatakan pendirian-pendirian beliau berkaitan dengan masalah-masalah nahu, khususnya yang menjadi pertikaian antara Aliran

Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah di samping mengemukakan pendapat-pendapat beliau yang tersendiri.

Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, maka penulis berpendapat adalah amat wajar sekali suatu kajian dilakukan terhadap pemikiran-pemikiran nahu al-Zamakhsyārī yang terkandung dalam kitab *Tafsīr al-Kasyṣyāf* untuk mengenalpasti kebaikan-kebaikan yang boleh diambil daripadanya dan keburukan-keburukan yang perlu ditinggalkan apabila kita membaca atau mengkaji kitab tafsir tersebut.

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian yang seperti ini amat penting sekali ditonjolkan kerana sepanjang pengetahuan penulis setakat ini tidak banyak pengkaji-pengkaji tempatan yang telah membuat kajian tentang pemikiran-pemikiran nahu di kalangan ulama-ulama nahu yang tertentu dalam sesebuah kitab tafsir. Sehubungan itu, penulis berharap agar kajian yang tidak seberapa ini akan menjadi pemangkin kepada kajian-kajian yang lebih terperinci daripada pengkaji-pengkaji yang lain selepas ini.

Penulis berpendapat kajian seperti ini amat bertepatan sekali dengan masanya kerana masyarakat Islam sekarang ini, khususnya masyarakat Islam di Malaysia, masih belum atau kurang terdedah dengan pentafsiran ayat-ayat suci al-Quran dari sudut nahu dan bahasa. Justeru itu, kajian ini diharap

menjadi pendorong kepada pihak-pihak tertentu untuk membuat kajian-kajian yang seterusnya dalam usaha mempertingkatkan lagi pemahaman masyarakat terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Quran dari sudut nahu khasnya dan dari sudut bahasa amnya.

1.3 Objektif Kajian

Dalam usaha untuk mencapai sasaran penulisan kajian ini, penulis telah menggariskan beberapa tujuan atau objektif bagi memperjelaskan matlamat sebenar yang dikehendaki oleh kajian ini.

Antara objektif penulisan kajian ini adalah seperti berikut :-

- 1) Menjelaskan kedudukan al-Zamakhsyari dalam aliran pemikiran nahu berbanding ulama-ulama nahu yang lain.
- 2) Menonjolkan keistimewaan dan kelainan kitab Tafsīr al-Kasyṣyāf berbanding kitab-kitab tafsir yang lain.
- 3) Menjelaskan dan mengklasifikasikan pemikiran-pemikiran nahu al-Zamakhsyari berdasarkan aliran-aliran nahu yang sebelumnya, iaitu Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah.

- 4) Menjelaskan kedudukan puisi, hadith dan qira'at al-Quran sebagai dalil dalam penghujahan nahu di samping memperlihatkan kepentingan i'rāb dalam menjelaskan makna sesuatu ayat al-Quran.
- 5) Mengenal pasti kesesuaian-kesesuaian yang terdapat dalam pemikiran-pemikiran nahu al-Zamakhsyariy untuk diterapkan dalam pengajian nahu bahasa Arab di Malaysia dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam mtafsir ayat-ayat al-Quran yang berkaitan.
- 6) Menyelami kebaikan pemikiran-pemikiran nahu al-Zamakhsyariy yang mempunyai unsur-unsur balāghah yang tinggi.
- 7) Mengenal pasti ciri-ciri negatif yang terdapat dalam pemikiran nahu al-Zamakhsyariy di samping menjelaskan sebab-sebab ianya dianggap negatif atau kurang baik untuk dipraktikkan.
- 8) Menjelaskan bentuk-bentuk pengeksploitasi kaedah nahu al-Zamakhsyariy untuk menguatkan mazhab Muktazilah beliau yang jelas bertentangan dengan mazhab Ahli Sunnat Wal Jama'at.

1.4 Bidang Kajian

Pada keseluruhannya kajian ini adalah kajian linguistik bahasa Arab yang berasaskan kepada nahu bahasa Arab dari sudut fungsinya dalam pemahaman dan pentafsiran ayat-ayat suci al-Quran. Perlu dijelaskan di sini, nahu bahasa Arab yang dimaksudkan dalam kajian ini meliputi dua bentuk ilmu, iaitu sintaksis bahasa Arab dan morfologi bahasa Arab. Ini kerana ulama-ulama nahu yang terdahulu tidak membezakan antara kedua-dua bentuk ilmu tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini hampir keseluruhan perbincangan yang melibatkan pemikiran nahu al-Zamakhsyariyy adalah yang berkaitan dengan sintaksis bahasa Arab dan sedikit sahaja yang berkaitan dengan morfologi bahasa Arab. Ini kerana keseluruhan pertelingkahan yang berlaku antara Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah yang dibincangkan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan sintaksis bahasa Arab.

Selain daripada membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan nahu bahasa Arab, penulis juga dalam keadaan-keadaan tertentu terpaksa membincangkan secara ringkas mengenai ilmu-ilmu lain yang mempunyai kaitan dengan beberapa topik yang dibincangkan dalam kajian ini. Ilmu-ilmu yang dimaksudkan ialah ilmu *balāghat*, hadith, puisi, *qirā'at* al-Quran dan juga akidah.

1.5 Ruang Lingkup Kajian dan Sistematik Pembahasan

Ruang lingkup kajian ini tertumpu kepada metod-metod pemikiran nahu al-Zamakhsyariy yang terdapat dalam *Tafsir al-Kasysyaf* yang dikaji dari pelbagai sudut, terutamanya dari sudut persetujuannya dengan Aliran Nahu Basrah atau Aliran Nahu Kufah atau pun pemikiran nahu tersebut dianggap ijtihad beliau sendiri dalam ilmu nahu. Selain itu, kajian ini juga turut mengemukakan pendapat ulama-ulama nahu yang mempunyai kaitan dengan pemikiran nahu al-Zamakhsyariy tersebut.

Dalam hal ini, penulis akan mengemukakan pendapat daripada ulama-ulama nahu yang sebelum al-Zamakhsyariy sekiranya pemikiran nahu al-Zamakhsyariy tersebut dipercaya diambil daripada ulama-ulama yang sebelumnya. Manakala, pendapat ulama-ulama nahu yang selepas al-Zamakhsyariy pula diambil sama ada untuk tujuan menguatkan pemikiran nahu al-Zamakhsyariy atau pun untuk mengkritik pemikiran nahu tersebut.

Sementara itu, semasa menghuraikan metod-metod pemikiran nahu tersebut, penulis sudah pasti banyak bergantung kepada *mashaf al-Quran*, kitab-kitab tafsir dan buku-buku nahu Arab, khususnya yang dikarang oleh ulama-ulama nahu yang terdahulu, sebagai bahan rujukan utama untuk kajian ini. Selain itu, penulis juga banyak bergantung kepada buku-buku moden yang membincangkan masalah-masalah nahu yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir atau buku-buku yang berkaitan dengannya.

Dalam pada itu, semasa menentukan klasifikasi pemikiran nahu al-Zamakhsyariy sama ada beliau menyokong Aliran Nahu Basrah atau Aliran Nahu Kufah atau pun ijтиhad beliau sendiri, maka hampir keseluruhan perbincangan tentang perkara tersebut merujuk kepada kitab "al-*Insāf* Fi Masa'il al-Khilāf" oleh al-Anbārīy. Ini kerana kitab tersebut adalah satu-satunya kitab yang berjaya ditemui yang membincangkan secara terperinci pertelingkahan-pertelingkahan yang berlaku antara Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah dalam masalah-masalah nahu.

1.6 Metodologi Kajian

Untuk mencapai matlamat kajian yang lebih komprehensif, penulis telah menggunakan keseluruhannya kepada kaedah perpustakaan dalam mengolah dan menganalisis data-data yang disusun dalam kajian ini. Ini kerana kaedah ini merupakan kaedah utama untuk menghasilkan sebuah kajian yang lebih ilmiah dan konkret.

Untuk menentukan kesahihan teks yang terdapat dalam kitab *Tafsīr al-Kasyṣyāf* pula, iaitu kitab rujukan utama dalam kajian ini, penulis telah menggunakan dua buah kitab. Kitab yang pertama adalah kitab *Tafsīr al-Kasyṣyāf* yang dipercayai antara cetakan (tidak dinyatakan tarikh cetakannya) terawal bagi kitab tafsir berkenaan berdasarkan bentuk persembahannya yang tradisional. Manakala kitab yang kedua pula adalah kitab tersebut yang dicetak pada tahun 1995 yang disertai dengan pentashihan.

Rujukan terhadap dua buah kitab yang mempunyai cetakan yang berlainan ini amat penting sekali untuk menghasilkan satu kajian yang benar-benar sahih. Ini kerana kitab *Tafsir al-Kassyaf* yang dicetak pada tahun-tahun mutakhir ini didapati mempunyai beberapa kesilapan teknikal seperti kesilapan tulisan atau kesilapan percetakan. Bagaimanapun, rujukan terhadap kitab *Tafsir al-Kasysyaf* yang seperti ini amat penting kerana persembahannya yang menarik dan mudah difahami.

Dalam membahaskan kajian ini dan menganalisis data-data yang ditekankan untuknya, penulis akan menekankan penggunaan bahasa persuratan untuk tujuan tersebut. Manakala, terjemahan ayat-ayat al-Quran yang dipaparkan dalam kajian ini pula adalah terjemahan asal yang dipetik secara langsung daripada kitab "*Tafsir Pimpinan al-Rahman*" yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, tanpa mengubah teks asalnya kecuali pada beberapa tempat yang mempunyai kesilapan dari sudut tatabahasa Melayu.

1.7 Tinjauan Terhadap Kajian Yang Lalu

Kajian ilmu nahu dalam al-Quran telah dikaji oleh ulama-ulama Islam yang terdahulu semenjak kurun ke-2 dan ke-3 Hijrah lagi di dalam kitab-kitab tafsir mereka, antaranya seperti kitab "*Majāz al-Qur'ān*" oleh Abū 'Ubaydat,

"Ma'āni al-Qur'añ" oleh al-Farrā', "Ma'āni al-Qur'añ wa l'rābuñ" oleh Abu Ishaq al-Zajjāj dan "l'rāb al-Qur'añ" oleh Abu Ja'far al-Nuhħas.

Usaha mereka ini kemudiannya diteruskan lagi oleh ulama-ulama yang hidup antara kurun ke-4 hingga ke-10 Hijrah seperti Ibn Jarīr al-Tabarī (wafat 310 H), Abū Bakr al-Nuqqāsy (351 H), al-Rummānī (384 H), al-Naysābūrī (468 H), al-Zamakhsyārī (538 H), al-Andalūsī (546 H), al-Baydawī (685 H), Abū Hayyān (745 H), Muḥammad al-Saywāsī (803 H), Muḥammad bin 'Alī al-Kharūbī (963 H) dan Muḥammad al-'Imādī (982 H).

Kemudian, usaha mereka ini diteruskan lagi oleh ulama-ulama yang hidup selepas tahun ke-1000 Hijrah seperti al-Syawkānī (wafat 1205 H), Mahmūd al-Alūsī (1270 H), Muḥammad 'Abduh (1323 H), Jamāluddin al-Qāsimī (1332 H) dan Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī (1365 H).

Di zaman mutakhir ini, kajian tentang nahu dalam kitab tafsir al-Kasyyāf telah dilakukan oleh Michael B. Schub di bawah tajuk "*Linguistic Topics in al-Zamachshari's (sic.) Commentary on the Qur'an*". Dalam tesis Ph.D. yang beliau kemukakan kepada University of California, Berkeley (1977) ini, Michael B. Schub telah melakukan perbandingan antara pemikiran nahu al-Zamakhsyārī yang terdapat dalam Tafsīr al-Kasyyāf dengan pendapat al-Zamakhsyārī dalam kitab nahu beliau al-Mufassal.

Di negara kita pula, kajian tentang nahu dalam kitab tafsir telah dilakukan oleh Abdul Wahid b. Salleh di bawah tajuk "*Kesan Nahu Kepada*

Tafsir al-Bahr al-Muhit Kajian Terhadap Surah al-Baqarah dan Ali 'Imran".

Dalam disertasi Sarjana Pengajian Islam yang beliau kemukakan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (2001) ini, Abdul Wahid Salleh telah meng-analisis bentuk-bentuk ketatabahasaan di dalam kitab tafsir al-Bahr al-Muhit dan kesannya terhadap pentafsiran al-Quran.

Memandangkan kajian tentang pemikiran nahu al-Zamakhsyari dalam kitab *Tafsir al-Kasasyaf* secara yang terperinci masih belum dilakukan, khususnya dalam konteks di negara ini, maka penulis berpendapat kajian yang dilakukan oleh penulis dalam tesis ini amat wajar sekali dan tepat pada masanya.

1.8 Sumbangan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada penulis dalam menambahkan ilmu pengetahuan dan maklumat berkaitan nahu bahasa Arab dan juga pentafsiran al-Quran dari sudut bahasa, khususnya nahu. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu penulis menyampaikan ilmu nahu bahasa Arab dengan kaedah yang lebih berkesan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran nahu bahasa Arab.

Selain itu, kajian ini mudah-mudahan dapat dijadikan sebahagian daripada koleksi penyelidikan linguistik Arab dalam bidang nahu yang dapat membantu pencinta-pencinta dan sarjana-sarjana bahasa Arab untuk

menambahkan maklumat yang mendalam mengenai nahu bahasa Arab dan juga pentafsiran al-Quran dari sudut nahu.

Begitu juga, penulis berharap agar kajian ini dapat membuka minda masyarakat Islam di negara ini tentang kepentingan memahami ayat-ayat al-Quran dari sudut tatabahasanya selain daripada sudut-sudut yang lain seperti perundangan, akidah, politik, sosial dan sebagainya. Akhir sekali, penulis berharap agar kajian ini dapat membuka jalan dan menjadi titik tolak kepada pengkaji-pengkaji lain untuk menyelidik dan memperluaskan lagi kajian ilmu nahu dalam kitab-kitab tafsir.

1.9 Rangka Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab seperti berikut :-

Bab Pertama : Bab ini merupakan pengenalan atau latar belakang kepada tajuk kajian, iaitu perkara-perkara yang melibatkan sebab-sebab pemilihan tajuk, kepentingan kajian, objektif kajian, bidang kajian, ruang lingkup kajian dan sistematik pembahasan, metodologi kajian, tinjauan terhadap kajian yang lalu, sumbangan kajian dan juga rangka kajian.

Bab Kedua : Dalam bab ini penulis akan membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan biodata al-Zamakhsyariyy yang meliputi nama dan gelaran, kelahiran, kehidupan dan perantauan, keilmuan, mazhab, guru-guru, murid-

murid dan kematian al-Zamakhsyari. Selepas itu, penulis akan membincangkan pula kedudukan al-Zamakhsyari dalam aliran pemikiran nahu.

Untuk tujuan tersebut, penulis akan membincangkan secara ringkas perbezaan-perbezaan yang terdapat antara Aliran Nahu Basrah, Aliran Nahu Kufah dan Aliran Nahu Baghdad. Kemudian, penulis akan membincangkan pula ciri-ciri yang terdapat pada Aliran Nahu Baghdad, iaitu aliran nahu yang diwakili oleh al-Zamakhsyari.

Bab Ketiga : Bab Ketiga ini akan membincangkan pengenalan kitab Tafsir al-Kasyaf yang melibatkan tarikh penulisan, sebab-sebab penulisan, tempoh penulisannya, keistimewaan-keistimewaan yang terdapat dalam Tafsir al-Kasyaf, sanjungan dan kritikan para ulama terhadapnya, serta kelayakan yang diperlukan untuk mentafsir al-Quran di sisi al-Zamakhsyari.

Bab Keempat : Dalam bab ini penulis akan membincangkan pemikiran nahu al-Zamakhsyari secara umum, iaitu pemikiran nahu yang tidak menggambarkan sikap al-Zamakhsyari sama ada menyokong Aliran Nahu Basrah atau Aliran Nahu Kufah. Dalam hal ini, penulis akan membincangkan penggunaan i'rāb oleh al-Zamakhsyari untuk menjelaskan makna sesuatu ayat al-Quran dan penggunaan hadith, puisi serta qīra'at al-Quran dalam penghujahan nahu.

Bab Kelima : Bab Kelima ini pula akan membincangkan secara terperinci pemikiran nahu al-Zamakhsyari secara khusus, iaitu pemikiran

nayu yang menunjukkan kedudukan al-Zamakhsyariy sebagai seorang ulama nahu yang tergolong dalam kategori Aliran Nahu Baghdad. Untuk tujuan ini, penulis akan membincangkan persetujuan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah, persetujuannya terhadap Aliran Nahu Kufah, persetujuannya terhadap kedua-dua aliran nahu tersebut dan ijtihad beliau sendiri dalam pemikiran nahu.

Dalam membincangkan pemikiran nahu al-Zamakhsyariy dalam bab ini, penulis akan membawa dua contoh pemikiran nahu beliau dalam tafsir al-Kasysyaf bagi setiap masalah nahu yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada masalah nahu tersebut, penulis hanya berjaya menemui satu contoh pemikiran nahu al-Zamakhsyariy sahaja dalam tafsir al-Kasysyaf.

Hal ini kerana contoh-contoh yang melibatkan masalah-masalah nahu tersebut kebanyakannya hanya melibatkan ungkapan-ungkapan yang terdapat dalam bait-bait puisi dan bukannya ayat-ayat al-Quran. Selain itu, terdapat juga masalah-masalah nahu tersebut yang hanya dinyatakan oleh al-Zamakhsyariy dalam ayat-ayat tertentu sahaja dan tidak melibatkan ayat-ayat al-Quran yang lain.

Bab Keenam : Dalam bab yang terpenting ini pula, penulis akan membuat penilaian yang menyeluruh terhadap pemikiran-pemikiran nahu al-Zamakhsyariy yang telah diterangkan dalam Bab Keempat dan Bab Kelima sebelum itu. Analisis yang dilakukan dibentangkan dalam dua aspek, iaitu ciri-

ciri positif dan ciri-ciri negatif yang terdapat dalam pemikiran nahu al-Zamakhsyari dalam *Tafsir al-Kasysyaf*.

Bab Ketujuh : Dalam bab yang terakhir ini penulis akan membuat rumusan yang menyeluruh terhadap kajian yang telah dilakukan. Di samping itu, penulis juga akan mengemukakan beberapa cadangan yang difikirkan sesuai kepada pihak-pihak yang tertentu untuk diberi perhatian yang sewajarnya, khususnya ke arah meningkatkan mutu pembelajaran nahu bahasa Arab dan pengajian tafsir di negara ini.

1.10 Penutup

Kajian ini diharapkan dapat menyedarkan sesetengah pihak bahawa sebahagian daripada pendapat - walaupun tidak keseluruhannya - yang dikemukakan oleh ulama-ulama nahu yang terdahulu masih lagi berfaedah dan relevan dengan keperluan semasa dalam pembelajaran dan pengajian nahu bahasa Arab dan pemahaman ayat-ayat suci al-Quran melalui pendekatan kaedah nahu. Sekurang-kurangnya kajian ini akan menjadi titik tolak ke arah kajian-kajian kaedah nahu bahasa Arab yang lebih mendalam dalam tafsir al-Quran di masa-masa akan datang.